



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“PTPTN PRIHATIN RINGANKAN BEBAN MELALUI PERLINDUNGAN TAKAFUL”

1. **Rantau, Negeri Sembilan, 7 November 2017** - PTPTN telah mengunjungi dan menziarahi waris Allahyarham Muhamad Zaki bin Abu Hassan, 39 tahun yang telah meninggal dunia pada 19 Jun 2017 yang merupakan pendeposit SSPN-i Plus dan peminjam PTPTN.
2. Semasa kunjungan ini, PTPTN telah menyerahkan pengesahan pemberian manfaat perlindungan takaful dan khairat kematian SSPN-i Plus serta pengesahan penyelesaian keseluruhan hutang dan khairat kematian pinjaman PTPTN kepada isteri Allahyarham iaitu Puan Sarina binti Abdul Manap, 40 tahun sebagai waris bertempat di kediaman mereka di Kampung Siliau Tengah.
3. Penyerahan dibuat oleh YBrs. Encik Abdul Ghaffar bin Yusop, **Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Strategik, PTPTN**. Turut hadir Encik Yassir Azlin bin Abdul Ghafar, **Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan, Hong Leong MSIG Takaful** serta Encik Ainudin Ramdan bin Ab Rashid, **Pengurus Besar, Jabatan Perbendaharaan**.

(SSPN-i PLUS SIMPANAN BERSADUR PERLINDUNGAN)

4. Allahyarham merupakan **pendeposit SSPN-i Plus** yang telah membuka akaun **SSPN-i Plus** di bawah Pakej Intan dengan hanya **RM30.00** sebulan (**RM1 Sehari**). Bagi memastikan masa depan pendidikan tiga (3) orang anak-anak beliau, Allahyarham telah membuka **tiga (3) akaun SSPN-i Plus** mulai **Mei 2017 yang lalu** iaitu untuk :

- i. Noor Aliya Batrishah (11 tahun);
- ii. Syazana Noor Damia (8 tahun); dan
- iii. Shazlin Noor Zaira (2 tahun).

5. Melalui penabungan pendidikan SSPN-i Plus yang dibuat dan tragedi yang melanda, **Allahyarham telah dilindungi dengan manfaat perlindungan takaful (kematian akibat kemalangan) sebanyak RM40,000.00 bagi setiap akaun dengan jumlah keseluruhan manfaat diterima sebanyak RM120,000.00.**
6. **Khairat kematian juga diberikan sebanyak RM2,500.00 (kematian pendeposit) bagi setiap akaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM7,500.00.** Pada masa yang sama waris turut menerima **nilai tunai** bagi simpanan takaful sebanyak RM5.04 bagi setiap akaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM15.12.**
7. Sehubungan itu, **jumlah keseluruhan manfaat takaful dan khairat kematian serta nilai tunai yang diterima** oleh waris kerana Allahyarham telah membuat simpanan pendidikan SSPN-i Plus adalah berjumlah **RM127,515.12.**
8. **Sejak dilancarkan pada 8 Jun 2015 sehingga 30 September 2017,** pembukaan akaun SSPN-i Plus adalah sebanyak **134,848 akaun** dengan jumlah **deposit terkumpul sebanyak RM47.4 juta** dengan **manfaat perlindungan takaful sehingga RM6.2 bilion.** Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak **305 tuntutan** yang melibatkan pelbagai kes dengan amaun **RM1.1 juta telah berjaya diselesaikan.**
9. Produk SSPN-i Plus menawarkan enam (6) pakej simpanan yang **bukan sahaja untuk simpanan semata-mata, tetapi juga mempunyai perlindungan takaful yang komprehensif, dengan sumbangan premium yang murah.** Keunikan produk ini **bukan hanya terletak pada keistimewaan yang ditawarkan SSPN-i, iaitu pelepasan taksiran cukai pendapatan, dividen yang kompetitif, layak memohon pinjaman PTPTN dan simpanan dijamin Kerajaan,** tetapi apa yang lebih menarik adalah **manfaat takaful yang akan dinikmati oleh mereka yang membuat tabungan.**

10. Manfaat takaful yang akan dinikmati adalah **manfaat bagi kematian/ ilat kekal menyeluruh akibat kemalangan sehingga RM1 juta, manfaat bagi 36 penyakit kritikal, elaun harian kemasukan hospital sehingga RM200 sehari, khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan maksimum 3 orang anak, perlindungan 24 jam di seluruh negara dan pelan ini tidak memerlukan pemeriksaan kesihatan (hanya perlu menjawab soalan kesihatan bagi mereka yang memilih pakej Berlian).**
11. **Berkuatkuasa 1 Januari 2017**, PTPTN melalui pembentangan Bajet 2017 turut memberikan **insentif geran sepadan secara percuma sebanyak RM50.00** kepada **pelajar Tahun 1 di sekolah bantuan penuh Kerajaan yang membuka atau menambah di dalam akaun SSPN-i Plus/ SSPN-i**. Bagi menggalakkan lagi usaha penabungan di kalangan ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 pada tahun 2017, PTPTN juga telah menganjurkan **Cabutan Bulanan melalui Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN** iaitu **berpeluang memenangi hadiah utama RM10,000 pada setiap bulan bermula Julai hingga Disember 2017**. Manakala **saguhati** juga diberikan kepada **100 pendeposit sebanyak RM100.00 pada setiap bulan**.
12. Skim simpanan pendidikan **SSPN-i Plus** di bawah Tabung Pendidikan utama negara ini merupakan **skim simpanan pendidikan yang sewajarnya dimiliki oleh setiap isi rumah** kerana ianya menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat yang baik dan menyeluruh untuk warganegara Malaysia.

(HUTANG PINJAMAN PTPTN SELESAI)

13. Allahyarham juga merupakan peminjam PTPTN yang mengikuti pengajian **Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA (UiTM)**. Hutang pinjaman pendidikan PTPTN Allahyarham semasa pengajian di peringkat **Ijazah berjumlah RM36,281.53**. Melalui manfaat **Skim Perlindungan Takaful Berkelompok Pinjaman Pendidikan PTPTN**, kesemua pinjaman tersebut telah **selesai sepenuhnya**. Pada masa yang sama **waris turut menerima RM1,500 bagi khairat kematian**.
14. **Sehingga 31 Oktober 2017**, seramai **7,647 peminjam** dengan jumlah **RM124.87 juta** telah menikmati **manfaat perlindungan takaful**. **Sehingga 31 Oktober 2017**, PTPTN telah menyerahkan **tuntutan khairat kematian** kepada **6,903 penuntut/ waris** dengan jumlah **RM8.72 juta**.

(TUNTUTAN TAKAFUL)

15. PTPTN sebagai sebuah Tabung Pendidikan utama negara sentiasa memikirkan kebajikan pendepositnya. Dengan keprihatinan PTPTN ini **mampu membantu meringankan beban yang ditanggung oleh waris dan anak-anak dalam memastikan masa depan pendidikan lebih terjamin walaupun ibu atau bapa (pendeposit) telah meninggal dunia/ keilatan kekal menyeluruh**. Penabungan dan perancangan kewangan merupakan dimensi penting dalam pendidikan tinggi negara bagi **mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan semata-mata**.
16. **Selain itu, PTPTN juga sentiasa memikirkan kebajikan peminjamnya. Skim Pinjaman Pendidikan PTPTN dengan perlindungan takaful berkelompok adalah bertujuan untuk melindungi pinjaman PTPTN yang diberikan sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal menyeluruh kepada peminjam**. Dengan keprihatinan PTPTN ini mampu membantu meringankan beban yang ditanggung oleh para peminjam serta waris.
17. **Waris/ penuntut perlu membuat tuntutan dengan melengkapkan Borang Permohonan Tuntutan Takaful yang boleh diperolehi melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my. Borang beserta dokumen sokongan yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan yang berhampiran atau diposkan ke Ibu Pejabat PTPTN, Menara PTPTN, Kuala Lumpur. Senarai pejabat PTPTN boleh diperolehi melalui portal rasmi PTPTN.**
18. **Waris perlu memaklumkan kepada PTPTN sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal menyeluruh agar PTPTN boleh menguruskan tuntutan dan memberikan manfaat takaful serta khairat kematian kepada waris sebagaimana yang ditetapkan.**